

09/08/1997

Sikap penyayang baiki masyarakat pincang

Suhaimi Mohd Sarif

PEMIMPIN negara berpadu tenaga dan buah fikiran menghasilkan satu pelan pembangunan negara yang terancang dan tersusun agar ia tidak mendatangkan kesan sampingan. Antara cabaran Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu ialah mewujudkan masyarakat penyayang.

Faktor penyayang itu dilihat sebagai teras kepada kelancaran proses menyepadukan tenaga dan buah fikiran rakyat di negara ini, yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama untuk bekerja sebagai satu pasukan. Cabaran ini dianggap besar. Pelbagai langkah diambil demi memastikan ia dapat beriring dengan cita-cita dan Wawasan 2020 itu.

Adalah satu tamparan hebat kepada kita apabila melihat telatah dan gelagat rakyat di negara ini tidak mencerminkan identiti kepenyayangan mereka. Kaganasan rumah tangga, pencabulan kehormatan anak gadis dan wanita, kes rogol, pembunuhan berleluasa dan sebagainya masih terus berlaku. Keretakan institusi kekeluargaan dilihat sebagai punca utama merebak penyakit sosial dalam masyarakat. Di samping keketatan ilmu agama dan kefahaman teguh dasar kehidupan manusia, masyarakat tidak lagi mempedulikan keperluannya menyayangi di antara satu sama lain.

Suami isteri dalam rumah tangga tidak begitu jelas peranan dan tanggungjawab yang dimainkan. Sifat penyayang suami terhadap isteri dan anak-anak serta saudara-mara diputarakan kepada kecintaan mengejar harta dan habuan duniawi. Tanggungjawab sebagai suami mahupun isteri atau sebagai ibu bapa diketepikan. Tugas itu tidak lagi menjadi tugas utama sebaliknya sibuk mengejar cita-cita.

Tidak hairanlah anak-anak yang baru saja beberapa hari mengenal dunia tidak dapat merasakan kehangatan kasih sayang apabila ibu bapa menyerahkan tugas mereka kepada orang lain. Anak-anak menjadi mudah dipengaruhi dengan gejala negatif yang berkemungkinan terdedah sepanjang kehidupannya bersama pengasuh yang bukan ibu bapanya. Ibu bapa tidak haruslah berasa tersinggung apabila anak-anak tidak lagi menyayangi mereka sebagai ibu bapa apabila mereka melalui hari tua.

Mungkin juga ada benarnya bukan semua kepincangan perlu dibebani oleh ibu bapa. Alasannya persekitaran yang didiami oleh mereka juga berperanan mempengaruhi anak-anak. Setiap gelagat dan perlakuan yang diperhatikan pasti menjadi sebahagian daripada input kehidupan mereka. Maka kelemahan institusi kekeluargaan tidak juga boleh disalahkan seratus peratus. Masyarakat juga perlu diberi tanggungjawab memperbaiki keadaan yang sudah pincang. Janganlah mereka pula menjadi penggalak kepada suasana gawat sedia ada.

Masyarakat harus melihat setiap anak yang ada dalam lingkungan persekitaran sebagai sebahagian daripada ahli keluarga mereka (yakni masyarakat sebagai satu unit keluarga besar). Dalam hirarki masyarakat, ada ketua dan pembantunya serta ahli masyarakat itu sendiri. Segala kepincangan dan kelemahan masyarakat perlu diatasi melalui aktiviti yang dirancang bersama.

Antara contoh yang cuba dilakukan oleh masyarakat Islam atau Jawatankuasa Masjid di Kedah baru-baru ini iaitu acara menarik tali antara masjid adalah satu langkah perintis kesedaran masyarakat terhadap pentingnya mereka sayang-menyayangi di antara satu sama lain demi memperkuat benteng ketahanan negara. Seandainya budaya penyayang ini lenyap dalam kehidupan masyarakat maka dikhuatiri masyarakat akan hidup dalam keadaan takut dan tidak tenteram.

Serangan musuh negara amat cekap sekali. Tumpuan mereka ditujukan terus kepada generasi muda. Remaja dihamburkan dengan pelbagai slogan hidup agar mereka terus hanyut dalam dunia fantasi. Haluan hiburan dan kepuasan hawa nafsu dijadikan teras keunggulan kehidupan remaja. Budaya Barat yang diperkenalkan sama ada diimport mahupun diubahsuaikan mengikut nafsu gila mereka, mula meracuni kehidupan mereka. Persoalan asas kehidupan kepada mengenal tuhan, agama dan kehidupan harmoni tidak langsung diperkenalkan. Celik mata saja pastinya laungan syurga dunia pasti menggamit anak-anak muda.

Serangan juga dihalakan kepada pemimpin negara. Mereka disogokkan dengan pelbagai idea pembangunan dan kemakmuran sebagai alasan untuk mengaut keuntungan demi memenuhi cita-cita dan hajat besar mereka saja. Amanah sebagai pemimpin tidak lagi dilihat sebagai amanah membela nasib rakyat tetapi dilihat kedudukan sebagai pemimpin adalah batu loncatan untuk mendapatkan sanjungan dan habuan peribadi. Timbullah budaya rasuah. Yang utama bagi mereka ialah keuntungan. Bahagiakah pemimpin negara yang hidup senang-lenang di antara pemerasan tenaga rakyat?

Serangan terhadap gagasan pembentukan masyarakat penyayang seterusnya ialah merebaknya virus Coxsackie B. Kecuaian menjaga kebersihan dilihat sebagai punca utama kemunculan virus itu. Virus gerun sebelum kemunculan Coxsackie B iaitu HIV masih belum juga ditemui vaksin yang dapat menghalang ia merebak. Selamatkah lagi hidup masyarakat? Mampukah masyarakat menjadi masyarakat penyayang dalam keadaan corak kehidupan tidak teratur.

Berlakunya penganiayaan di sana sini, pembuangan bayi, pembunuhan berleluasa, kemasukan warganegara asing yang menggawatkan lagi keadaan, kecaman negara jiran dan antarabangsa dan sebagainya tidak mampu mempertahankan lagi keunggulan ketimuran masyarakat negara ini. Walaupun ada langkah bijak dicuba oleh agensi tertentu, sambutan dan sokongan ramai tidak menggalakkan. Maka gelagat itu patut diperbaiki demi membela dan memulihkan kepincangan yang dialami negara.

Marilah kita membanteras segala kefasikan dan kemungkaran dan tegakkanlah keadilan dan kesejahteraan yang bersifat sejagat demi kebahagiaan bersama. Bermula dengan menyayangi diri sendiri sebagai khalifah Allah, ejen pengubah bumi dan hamba Allah seterusnya menyayangi keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan kebesaran Allah sebagai Pencipta alam semesta. Barulah segala wabak mahupun penyakit dapat dihindari. Mencegah itu lebih baik daripada merawat.

(END)